

# APA LEBIH ERKASA

ANUAR HJ  
RAHIME YUSOFF  
AAAFAR

-7 DEC 1987  
serta negara mara ke  
apan memenangi emas  
a peserta lelaki dalam  
ia di Stadium Negara

reka pasti menghadapi  
menentang jaguh handa-  
tahun lalu, Indonesia.  
ap memenangi pingat  
n kali ini ialah Ahmad  
as A, Ahmad Wardi Sa-  
smail (E), Ahmad Fauzi  
nuddin Baki Abu Bakar  
(A) dan Masliza Abu Ba-

pesilat lelaki tidak dir-  
esilat wanita dirasakan  
un tidak bererti mereka

tidak berupaya memenangi perlawanan nanti.

Masliza terpaksa menghadapi juara dunia dua kali, Tri Wahyuni dari Indonesia yang begitu kaya dengan pengalaman. Begitu juga Normala yang akan berdepan dengan Rina Widayati (Indonesia).

Penguasaan Indonesia dalam bahagian wanita dikatakan sudah menjadi kenyataan walaupun ada halangan daripada Jerman Barat dan Amerika Syarikat.

Begitu juga dengan lima pesilat lelaki mereka yang turut memburu emas bagi mengekalkan juara keseluruhan bagi kali keempat ini untuk membawa pulang Piala Hang Tuah.

Petarungan menarik perhatian umum adalah antara Ahmad Fauzi dengan pesilat Sepanyol, Kolddauzmeni. Ahmad Fauzi yang sudah lama mengidam pingat emas sudah pasti menyekat penguasaan Sepanyol.

Dua lagi pesilat Sepanyol, Andoni Cabanillas (H) dan Alberto Cerro Leon (Bebas) juga memburu emas apabila berhadapan dengan Nayan Mudra dari Indonesia dan Jens Jakobsen (Denmark).

Pesilat harapan terbaik dunia, Marcel Copini

dari Belanda membawa cabaran tunggal negaranya dan akan berentap dengan Sarno dari Indonesia bagi Kelas I. Beliau juga mempunyai harapan untuk mengekalkan gelaran yang diperolehi di Vienna tahun lalu.

Kemaraan pesilat Sepanyol, Jerman Barat, Belanda dan Amerika Syarikat ke perlawanan akhir menjanjikan pertarungan hebat.

Kelas A - Ahmad Rafie Yaacob mln Junaidi (Indonesia), Kelas B - Ahmad Wardi mln Fidiullah Ahani (Brunei), Kelas E - Abdul Razak mln Ricie (Indonesia), Kelas F - Ahmad Fauzi mln Koldo Auzmendi Idurrade (Sepanyol), Kelas G - Wan Aminuddin mln Jarkoni (Indonesia).

Lain-lain perlawanan akhir lelaki hari ini ialah Kelas C - Faisal Mahyuddin (Indonesia) mln Khalid Awad (Singapura), Kelas D - Azman Ahmad (Singapura) mln Dhani Wisnu (Indonesia), Kelas H - Audoni Cabaniallas (Sepanyol) mln Wayan Mudra (Indonesia).

Wanita: Kelas C - Michelea Bryant (Brunei) mln Nurlani Hamid (Indonesia), Kelas D - Dewi Yanti (Indonesia) mln Barbara JC Barnes (Amerika Syarikat), Kelas E - Ni Mede Wahyuni mln Heike Dietrich (Jerman Barat).

B. Harian (M)

## anyol mahu adakan pertunjukan

DEC 1987

jadi acara pertunjukan  
2 di Barcelona, Sepanyol  
rumah Kejuaraan Silat

aan menerusi pengaruh  
uinya, tetapi kami masih  
akhir," kata Juan I Barren-  
ngetuai pasukan negara

buatan Pencak Silat An-

B. Harian (M)

tarabangsa (Persilat) memberi penghormatan kepadanya menjadi tuan rumah kejuaraan keenam.

"Hampir semua negara seluruh dunia akan berada di Barcelona pada 1992 untuk mengambil bahagian dalam Sukan Olimpik. Dengan itu adalah penting bagi Persilat menggunakan kesempatan ini untuk meningkatkan lagi perkembangan silat," kata Sagardui.

Menurutnya, Sepanyol mempunyai 21 pergur-

uan silat dengan 2,200 keahlian. Beliau sendiri adalah pengasas silat Pendekar Suci di negaranya.

Sementara itu, Persilat dalam mesyuarat majlisnya petang semalam belum membuat sebarang keputusan mengenai hasrat Sepanyol menjadi tuan rumah kejuaraan keenam.

"Bagaimanapun, segala keputusan hanya dibuat dalam Kongres Silat Sedunia di Singapura pada 25 Ogos tahun depan," kata presiden Persilat, Eddie M Nalapraya.